

Cadangan Penambahbaikan Pelaporan Maklumat Alam Sekitar Dalam Industri Sawit di Malaysia: Satu Pendekatan Sistem (*Recommendations for Improving the Environmental Information Reporting in The Palm Oil Industry in Malaysia: A Systems Approach*)

Maizatulakma Abdullah
Mohamat Sabri Hassan
Noorsakinah Abdul Wahab
Ahmad Monir Abdullah

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Industri sawit sering berdepan dengan tekanan antarabangsa kerana dipercayai menyumbang kepada perubahan iklim, mengganggu ekosistem dan menyebabkan kemusnahan hutan. Syarikat sawit diminta menzahirkan akauntabiliti menerusi pelaporan maklumat alam sekitar. Kajian lepas menunjukkan syarikat tidak dapat memberi maklumat yang cukup kepada masyarakat global sehingga membawa kepada masalah asimetri maklumat. Masalah ini menyebabkan industri sawit berterusan menghadapi pertikaian terutamanya daripada masyarakat di Kesatuan Eropah. Justeru, secara umumnya kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah yang wujud dalam pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit dan mengkaji langkah penambahbaikan menerusi pendekatan sistem. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data diambil menerusi temubual dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati masalah pelaporan maklumat dalam industri sawit berpunca daripada masalah dokumentasi di peringkat orang tengah yang menghubungkan sektor hulu yang melibatkan pekebun kecil dan sektor pertengahan yang melibatkan pengilang minyak sawit. Kajian lanjutan mendapati masalah dokumentasi juga wujud di peringkat pekebun kecil. Hasil kajian menunjukkan bahawa MSPO Trace boleh digunakan untuk mengurangkan masalah asimetri maklumat dan meningkatkan kebolehesanan minyak sawit yang dihasilkan di Malaysia. Hasil kajian ini juga memberi input penting mengenai dua aspek yang perlu ditambahbaik dalam MSPO Trace yang relevan kepada kerajaan Malaysia, iaitu kebolehbandingan maklumat dan kebergunaan maklumat.

Katakunci: Industri sawit; ketelusan maklumat; kebolehesanan; pekebun kecil; alam sekitar

ABSTRACT

The palm oil industry often faces international pressure because it is believed to contribute to climate change, disrupt the ecosystems and cause forest destruction. Palm oil companies are demanded to demonstrate accountability through environmental information reporting. Previous studies have shown that companies are unable to provide sufficient information to the global community which leads to the information asymmetry problem. This problem causes the palm oil industry to continue facing disputes, especially from the community in the European Union. Thus, in general, this study was carried out to identify problems existed in environmental information reporting in the palm oil industry and examine improvement measures through a systems approach. This study uses a qualitative approach where data was collected through interviews and document analysis. This study finds that information reporting problem in the palm oil industry stems from the documentation problems at the middlemen level that connect the upstream sector, especially involving smallholders and the middle sector involving palm oil manufacturers. Further research finds that documentation problem also exist at the smallholder level. Results suggest that MSPO Trace can be used for reducing information asymmetry problem and increasing the traceability of palm oil produced in Malaysia. The findings provide important inputs on two aspects that need to be improved on MSPO Trace that should be relevant to the Malaysian government, which are the comparability of information and the usefulness of information.

Keywords: Palm oil industry; information transparency; traceability; smallholders; environment

Received 10 July 2023; Accepted 18 October 2023

PENGENALAN

Masyarakat global berterusan memberi tekanan kepada industri sawit kerana aktiviti industri ini dipercayai menyumbang kepada perubahan iklim dan mengganggu ekosistem semulajadi terutamanya di kawasan hutan

hujan tropika (Meijaard et al. 2018). Kesatuan Eropah (EU) antara negara paling aktif mengkritik industri ini dan melancarkan pelbagai kempen memboikot penggunaan produk berasaskan minyak sawit. Pada tahun 2022, EU meluluskan undang-undang baharu yang dikenali sebagai *EU Deforestation-free Regulation* (EUDR). Undang-undang ini akan mula dikuatkuasakan pada tahun 2024 kepada semua penjual bahan komoditi yang dikenalpasti memberi kesan kepada kemusnahan hutan termasuklah minyak sawit. Mereka menguatkuasakan undang-undang ini agar dapat dipastikan produk yang dipasarkan di negara mereka tidak menyumbang kepada perubahan iklim. Dengan ini, mereka dapat membuktikan ikrar untuk mencapai sasaran karbon sifar bersih dan membuktikan komitmen dalam menangani isu perubahan iklim di peringkat akar umbi.

Implikasi penguatkuasaan undang-undang ini terhadap pengeksport minyak sawit adalah mereka perlu menyediakan maklumat beserta bukti bahawa produk sawit yang ingin dijual di EU bebas daripada sumber yang menyumbang kepada kemusnahan hutan. Dijangkakan penguatkuasaan undang-undang ini akan mendatangkan masalah kepada pengeksport sawit kerana kajian lepas mendapati pengilang sawit sukar mengesan dan menjejaki asal usul bahan mentah yang diproses di kilang mereka (Guindon 2019; Thomson & Long 2020). Cabaran terbesar adalah mendapatkan maklumat pekebun kecil yang merupakan pembekal pertama dalam rantaian bekalan minyak sawit (Fanning & Spencer 2022). Ini bermakna, jika masalah ketiadaan maklumat atau dokumen berkaitan rantaian bekalan minyak sawit tidak ditangani segera, pengeksport sawit tidak akan dapat mematuhi EUDR dan akan menghadapi masalah memasarkan produk mereka di EU.

Masalah kebolehsesanan rantaian bekalan minyak sawit ini juga menyebabkan syarikat sawit gagal mencapai tahap pelaporan maklumat alam sekitar yang memuaskan dan menimbulkan masalah asimetri maklumat antara pengeluar sawit dan masyarakat global (Abdullah 2022; Abdullah & Rimmel 2021; Fanning & Spencer 2022). Pertikaian berterusan yang melanda industri ini menunjukkan bahawa masalah asimetri maklumat masih belum menemui jalan penyelesaian sehingga kini. Fokus kajian ini berbeza dengan kajian lepas yang tertumpu kepada kajian ke atas ciri-ciri syarikat dan tadbir urus korporat sebagai saranan penyelesaian masalah asimetri maklumat (Wachira & Mathuva 2022). Penyelidik berpendapat masalah mendasar tidak dapat dikenalpasti selagi keseluruhan sistem pelaporan maklumat dalam industri sawit tidak difahami dengan jelas. Berdasarkan Teori *Complex Adaptive System* (CAS), kajian ini percaya bahawa sistem pelaporan maklumat dalam industri sawit terdiri daripada beberapa agen pelapor yang perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum kajian terhadap masalah dan solusi dilaksanakan. Disebabkan tiada kajian lepas berkenaan sistem pelaporan maklumat yang diamalkan dalam industri ini, objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sistem atau model pelaporan maklumat alam sekitar yang diamalkan dalam industri sawit di Malaysia. Objektif kedua adalah untuk mengkaji masalah yang wujud dalam sistem atau model tersebut yang menyebabkan timbulnya masalah asimetri maklumat. Akhir sekali, kajian ini dilaksanakan untuk mencari solusi masalah asimetri maklumat ini.

Kajian ini dijangka memberi sumbangan signifikan sekurang-kurangnya dalam tiga aspek. Aspek pertama, kajian ini sangat relevan kepada agensi kerajaan seperti *Malaysian Palm Oil Certification Council* (MPOCC) dan *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) yang dalam usaha mendapatkan input berkenaan isu ketelusan dan kebolehsesanan rantaian bekalan minyak sawit. Hasil kajian ini dijangka boleh memberi petunjuk berkenaan elemen yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan ketelusan dan kebolehsesanan dalam industri ini. Seterusnya mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan. Aspek kedua, kajian ini menyumbang dari aspek teoritik di mana kajian ini berjaya meluaskan lagi pemahaman terhadap Teori CAS. Aspek ketiga, dapatan kajian ini sangat relevan kepada pengurusan syarikat atau lebih spesifik kepada pengeksport sawit dalam mengenalpasti tindakan yang boleh dilaksanakan ke arah penyediaan dokumen dan maklumat bagi tujuan pematuhan peraturan baharu EUDR.

Kertas kerja ini diteruskan dengan bahagian kedua mengenai ulasan karya, bahagian ketiga mengenai kaedah kajian dan bahagian keempat mengenai hasil kajian. Terakhir, adalah kesimpulan dimana sumbangan dan limitasi kajian dinyatakan dibahagian ini.

ULASAN KARYA

ISU ALAM SEKITAR DAN ASIMETRI MAKLUMAT DALAM INDUSTRI SAWIT

Pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA) melaporkan bahawa pengeluaran minyak sawit global telah meningkat sebanyak 7 kali ganda berbanding 10 juta tan metrik setahun pada tiga dekad lalu. Peningkatan ini berikutan permintaan minyak sawit yang semakin tinggi kerana ia digunakan dalam pengeluaran pelbagai produk. Permintaan yang tinggi terhadap minyak sawit telah mendorong banyak negara tropika membuka ladang kelapa sawit secara besar-besaran (Vijay et al. 2016). Sehingga April 2023, data USDA menunjukkan terdapat 28 buah negara tropika yang menjadi pengeluar dan pengeksport minyak sawit di pasaran dunia. Negara pengeluar dan pengeksport utama dunia adalah Indonesia dan Malaysia.

Pengeluaran minyak sawit oleh syarikat Malaysia telah meningkat dengan pesat dan jumlah kawasan tanaman kelapa sawit di Malaysia telah berkembang daripada 3.3 juta hektar pada tahun 2000 (Ismail et al. 2003) kepada 4.3 juta hektar pada tahun 2007 (Wahid 2008). Jumlah guna tanah terkini bagi tujuan penanaman sawit di

Malaysia mencecah 5.67 juta hektar (Malaysian Palm Oil Board (MPOB) 2022) dan diunjurkan akan terus meningkat sehingga ke paras siling 6.5 juta hektar. Sabah dan Sarawak adalah kawasan yang paling banyak diteroka untuk tujuan penanaman sawit, di mana wilayah ini sangat kaya dengan biodiversiti. Sehubungan itu, pihak berkepentingan terutamanya komuniti dan aktivis alam sekitar telah menyuarakan kebimbangan mereka tentang kesan negatif industri ini terhadap alam sekitar dan biodiversiti.

Sebagai contoh, pada tahun 2007, Greenpeace mengeluarkan laporan bertajuk "*How the Palm Oil Industry is Cooking the Climate*", di mana ia menentang isu kemusnahan hutan hujan tropika dan kebakaran tanah gambut di negara pengeluar minyak sawit. Melalui pemantauan satelit pada awal tahun 2007, Greenpeace mengenal pasti berjuta-juta hektar hutan paya gambut di negara-negara Asia Tenggara khususnya di Indonesia telah ditukar kepada ladang kelapa sawit. Menurut Greenpeace (2007) hutan paya gambut tersebut menyimpan sebanyak 14.6Gt karbon dan jika hutan ini dimusnahkan, pelepasan gas rumah hijau akan bersamaan dengan jumlah pelepasan setahun di peringkat global.

Selain itu, dilaporkan bahawa sekitar 24 juta hektar hutan Indonesia telah musnah antara tahun 1990 dan 2015 (Greenpeace 2018) yang menyumbang kepada kepupusan orang utan yang merupakan spesies terancam (Voigt et al. 2018). Setelah diselidiki, bukan sahaja syarikat sawit Indonesia yang bertanggungjawab terhadap kemusnahan hutan di negara tersebut, tetapi juga syarikat dari negara lain seperti Malaysia dan Singapura (Greenpeace 2019) disebabkan oleh pemilikan syarikat dan ladang (Varkkey 2013; Varkkey et al. 2018). Terdapat kajian lain yang turut menentang isu kesan negatif industri sawit terhadap alam sekitar dan biodiversiti seperti isu kepupusan spesis burung (Koh et al. 2011), spesis semut (Brühl & Eltz 2010) dan orang utan (Seaman et al. 2019). Isu-isu ini menimbulkan pertikaian berterusan dalam industri sawit terutamanya antara EU dan negara pengeluar.

Terdapat pelbagai sebab mengapa pertikaian antara EU dan negara pengeluar sawit masih tidak dapat diselesaikan sehingga kini. Antaranya ialah masalah asimetri maklumat (Abdullah 2022; Abdullah & Rimmel 2021) berkaitan rantaian bekalan minyak sawit terutamanya melibatkan maklumat pekebun kecil (Fanning & Spencer 2022). Menurut Abdullah et al. (2020), tahap pelaporan maklumat alam sekitar dalam laporan tahunan syarikat masih ditahap yang rendah. Walaupun didapati berlaku peningkatan drastik dalam pelaporan maklumat alam sekitar selepas industri sawit menerima tekanan hebat daripada EU, masih terdapat kekurangan dalam maklumat yang dilaporkan yang seterusnya gagal meyakinkan pihak berkepentingan terhadap kemampuan industri ini. Antaranya adalah kekurangan maklumat berkenaan lokasi penebangan hutan dan penanaman sawit. Syarikat enggan melaporkan maklumat ini mungkin kerana untuk mengurangkan risiko litigasi jika didapati wujud aktiviti yang menyalahi undang-undang di ladang milikan mereka, terutamanya semasa musim berlakunya jerebu yang berlaku saban tahun (Abdullah et al. 2020). Tambahan pula, Singapura telah menguatkuasakan satu akta yang dinamakan sebagai *Transboundary Haze Pollution Act 2014* yang mengenakan hukuman ke atas mana-mana entiti (sama ada di dalam atau di luar Singapura) yang menyebabkan pencemaran udara di wilayahnya.

Pada bulan Mac 2017, Zoological Society of London (ZSL) telah mengeluarkan satu laporan bertajuk "*Hidden Land, Hidden Risk*" yang mendedahkan bahawa 70% daripada 50 syarikat yang dikaji gagal melaporkan dengan jelas berkenaan lokasi penanaman sawit dan menimbulkan asimetri maklumat antara masyarakat global dan pengusaha sawit. Laporan itu juga mendedahkan bahawa sebanyak 56% daripada 50 syarikat yang dikaji tidak konsisten dalam pelaporan mengenai jumlah pegangan tanah mereka. Pada tahun 2019, ZSL mengeluarkan laporan lain yang menentang isu ketelusan maklumat rantaian bekalan. Berdasarkan analisis ke atas 99 buah syarikat sawit, didapati majoriti syarikat gagal mengesan asal-usul bahan mentah mereka. Di samping itu, tiada syarikat yang dapat mengesan 100% pembekal mereka yang biasanya datang daripada pekebun kecil. Dalam laporan terkini tahun 2022, ZSL telah membuat analisis ke atas 100 buah syarikat sawit. Analisis tersebut menunjukkan purata skor pelaporan maklumat kelestarian agak rendah, iaitu sebanyak 45.4%. Skor rendah ini didapati berpunca daripada kurangnya pelaporan maklumat berkaitan pekebun kecil.

Isu ketelusan ini menghalang akauntabiliti dan menyukarkan pihak berkepentingan dalam memantau komitmen syarikat sawit ke arah menghasilkan produk sawit mampan. Atas alasan ini, EU mengambil tindakan menguatkuasakan peraturan baharu EUDR. Oleh itu, adalah amat penting bagi syarikat sawit mencari solusi ke atas masalah ini.

Mengikut peraturan dan perundangan di Malaysia, pendedahan maklumat berkaitan alam sekitar merupakan maklumat sukarela. Pada tahun 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) yang terkini dengan memberi lebih penekanan terhadap isu pelaporan maklumat kelestarian kerana ianya merupakan keperluan maklumat bagi pihak berkepentingan. Penguatkuasaan MCCG baharu menunjukkan bahawa Malaysia kini beralih daripada pendekatan 'pasaran bebas' ke arah pendekatan yang lebih 'pro-peraturan' berkenaan dengan pendedahan maklumat kelestarian. Di bawah garis panduan MCCG G.10.2 dan G.12.2, semua syarikat tersenarai digalakkan untuk mengeluarkan laporan bersepadu berdasarkan piawaian yang diiktiraf di peringkat global untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti khususnya berkaitan isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Pada masa ini, terdapat tiga piawaian pelaporan maklumat kelestarian di peringkat global, iaitu: (i) *Global Reporting Initiative (GRI)*, (ii) *Integrated Reporting Framework (IRF)*, dan (iii) *the Sustainability Accounting*

Standards Board (SASB). Limitasi pertama piawaian ini ialah ia tidak mengambilkira maklumat spesifik industri. Contohnya maklumat lokasi penebangan hutan dan penanaman sawit tidak terdapat dalam garis panduan GRI (Abdullah et al. 2020). Wichianrak et al. (2022) menyatakan garis panduan spesifik mengikut suatu konteks sangat penting dalam meningkatkan ketelusan pelaporan maklumat alam sekitar. Limitasi kedua piawaian ini ialah ia tidak berdasarkan nilai dan norma tempatan (Dissanayake et al. 2021) yang menghalang ketelusan pelaporan maklumat mengikut konteks. Di samping itu, IRF dan SASB dibangunkan berdasarkan pendekatan silo di mana fokus garis panduan tersebut adalah kepada pasaran modal dan pelabur berbanding pihak berkepentingan lain (Adams & Abhayawansa 2022). Sedangkan isu kelestarian memberi kesan kepada keseluruhan sistem sosial yang melibatkan semua pihak berkepentingan.

Dalam industri sawit, sepertimana yang diketengahkan oleh Fanning dan Spencer (2022), pihak berkepentingan amat memerlukan maklumat berkenaan kesan aktiviti pengusaha sawit terhadap alam sekitar. Maklumat ini tidak digariskan dengan jelas dalam piawaian pelaporan maklumat kelestarian. Untuk penambahbaikan, kajian bersifat dasar perlu dilaksanakan untuk memahami masalah dan solusi asimetri maklumat dalam industri ini.

PENGUSAHA SAWIT DI MALAYSIA

Pengusaha sawit boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu: (i) ladang industri, (ii) pengusaha skala sederhana dan (iii) pekebun kecil. Meijaard et al. (2018) mentakrifkan kumpulan pertama, iaitu ladang industri sebagai ladang yang biasanya diuruskan oleh syarikat yang memiliki kilang minyak sawitnya sendiri dan beroperasi merentasi ribuan hektar. Kumpulan kedua iaitu pengusaha skala sederhana ditakrifkan sebagai pengusaha yang mengendalikan ladang sederhana hingga besar tanpa adanya syarikat secara rasmi. Yang ketiga, iaitu pekebun kecil ditakrifkan sebagai pengusaha yang biasanya menjalankan penanaman sawit di ladang milik individu atau keluarga. Mereka biasanya bergantung kepada pengusaha sawit lain untuk memproses buah tandan segar (BTS), dan mempunyai kawasan penanaman yang kecil, iaitu kurang daripada 50 hektar (sepertimana yang ditakrifkan oleh Roundtable on Sustainable Palm Oil - RSPO).

MPOB pula mengkategorikan pengusaha sawit kepada empat kumpulan berdasarkan keluasan saiz ladang, iaitu: (i) perladangan bersaiz besar yang melibatkan kawasan penanaman seluas 1,001 hektar dan ke atas; (ii) perladangan bersaiz sederhana yang melibatkan kawasan penanaman seluas antara 501 dan 1,000 hektar; (iii) perladangan bersaiz kecil yang melibatkan kawasan penanaman seluas antara 40.47 dan 500 hektar; dan (iv) pekebun kecil adalah individu yang mengusahakan penanaman berkeluasan kurang atau sama dengan 40.46 hektar atau 100 ekar. Pekebun kecil terdiri daripada pekebun kecil bebas atau pekebun kecil skim dibawah seliaan syarikat atau agensi kerajaan. Di Malaysia, antara agensi yang terlibat adalah Federal Land Development Authority (FELDA), The Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA), Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA), dan Sabah Land Development Board (SLDB).

Pekebun kecil mengusahakan kira-kira 28% daripada keseluruhan kawasan penanaman sawit di Malaysia di mana lokasi penanaman kebanyakannya terletak di Sabah dan Sarawak. Dari segi bilangan pelesen pekebun kecil, terdapat sebanyak 228,702 pekebun kecil di seluruh Malaysia pada tahun 2021, seperti yang ditunjukkan dalam JADUAL 1. Majoriti pekebun kecil berada di Semenanjung Malaysia, iaitu sebanyak 67.75%. Bakinya di Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan jumlah pekebun kecil di Semenanjung Malaysia lebih ramai berbanding di Sabah dan Sarawak. Namun, dari segi keluasan kawasan penanaman, setiap individu pekebun kecil di Semenanjung Malaysia lazimnya mempunyai ladang kelapa sawit yang lebih kecil, iaitu dianggarkan kurang daripada 4 hektar. Pekebun kecil di Semenanjung Malaysia juga biasanya menanam kelapa sawit secara bercampur atau bersilang dengan tanaman komersial lain seperti kopi, pokok buah-buahan tempatan, pisang atau ubi kayu. JADUAL 1 menunjukkan majoriti pekebun kecil di Malaysia berada di Johor, iaitu sebanyak 67,186 dan diikuti dengan Sarawak, Perak dan Sabah, masing-masing sebanyak 41,443, 37,321 dan 32,306.

JADUAL 1. Bilangan pelesen pekebun kecil di Malaysia serta jumlah keluasan pada tahun 2021

Negeri	Bilangan pelesen pekebun kecil	Peratusan (%)	Jumlah keluasan (hektar)	Peratusan (%)
Johor	67,186	29.38%	171,907.62	19.91%
Kedah	6,108	2.67%	24,086.40	2.79%
Kelantan	2,325	1.02%	7,113.46	0.82%
Melaka	2,840	1.24%	11,697.93	1.35%
Negeri Sembilan	5,790	2.53%	24,265.77	2.81%
Pahang	13,370	5.85%	44,739.78	5.18%
Perak	37,321	16.32%	92,396.30	10.70%
Perlis	36	0.02%	155.67	0.02%
Pulau Pinang	1,470	0.64%	6,471.69	0.75%
Selangor	14,411	6.30%	24,015.93	2.78%
Terengganu	4,096	1.79%	12,424.80	1.44%
Semenanjung Malaysia	154,953	67.75%	419,275.44	48.56%
Sabah	32,306	14.13%	207,455.54	24.03%
Sarawak	41,443	18.12%	236,628.58	27.41%

Sabah & Sarawak	73,749	32.25%	444,084.11	51.44%
Malaysia	228,702	100.00%	863,359.56	100.00%

Sumber: MPOB

Cramb dan Sujang (2016) menyatakan bahawa industri sawit telah meningkatkan taraf ekonomi pekebun kecil dengan membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Secara purata, pendapatan pekebun kecil telah meningkat empat kali ganda dari tahun 1980, iaitu sebanyak RM591 kepada RM2,336 pada tahun 2016 (Abdul-Samat et al. 2021). Tetapi, dari sisi negatifnya, aktiviti penanaman sawit oleh pekebun kecil sering dikaitkan dengan masalah alam sekitar dan kehilangan biodiversiti akibat daripada penebangan hutan dan pembakaran terbuka (Jelsma et al. 2017; Purnomo et al. 2019, 2017). Meskipun aktiviti pembakaran terbuka dilarang menerusi penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kajian lepas menunjukkan terdapat pekebun kecil di Malaysia yang menggunakan kaedah tebang-dan-bakar untuk membersihkan tanah di kawasan hutan dan tanah gambut bagi tujuan penanaman sawit (Dhandapani et al. 2020, 2022, 2023; Dhandapani & Evers 2020; Dislich et al. 2017; Smith et al. 2018). Aktiviti perladangan pekebun kecil agak sukar dijejaki kerana lazimnya mempunyai ciri saiz yang kecil, lokasi berselerak dan terencil serta berselang seli dengan tanaman komoditi lain (Pribadi et al. 2023).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini mendapatkan data menerusi dua kaedah, iaitu temubual dan analisis dokumen. Bagi kaedah temubual, kajian ini telah mendapatkan senarai pihak yang terbabit dan berkaitan dengan isu penyelidikan ini daripada *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB). Pada awalnya, sebanyak 18 pihak atau organisasi telah dihubungi untuk ditemubual. Namun, hanya 8 daripadanya yang bersetuju untuk terlibat dalam penyelidikan ini. Seramai 15 orang telah berjaya ditemubual yang mewakili 8 organisasi tersebut, sepertimana ditunjukkan dalam JADUAL 2 di bawah. Bilangan 15 orang sebagai responden adalah memadai bagi kajian kualitatif sepertimana yang dibincangkan dalam kajian Guest et al. (2006, 2020).

JADUAL 2. Perincian latar belakang responden ditemuduga

Responden	Agen Pelapor/Organisasi	Jawatan	Peranan / Jabatan
S1 (2 orang)	Kerajaan: Agensi 1	Pengurus Jabatan	Jabatan pengurusan strategik, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia
S2 (1 orang)	Kerajaan: Agensi 2	Pengarah	Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil
S3 (3 orang)	Kerajaan: Agensi 3	Pegawai Tinggi	Jabatan Alam Sekitar
S4 (4 orang)	Kerajaan: Agensi 4	Ketua Pengarah	Pengurusan hutan dan perlindungan hidupan liar di Semenanjung Malaysia
S5 (2 orang)	Kerajaan: Agensi 5	Pengarah	Pengurusan alam sekitar Sabah
S6 (1 orang)	Badan antarabangsa: Organisasi bukan kerajaan (NGO) 1	Pengurus	Mengurus pasukan biodiversiti dan korporat serta terlibat sebagai panel dalam kongres Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (<i>International Union for Conservation of Nature</i> (IUCN))
S7 (1 orang)	Badan antarabangsa: Organisasi bukan kerajaan (NGO) 2	Pengerusi	Oganisasi ini mewakili masyarakat berkenaan isu alam sekitar di negara Asia Tenggara, khususnya Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.
S8 (1 orang)	Pengusaha sawit: Persatuan industri sawit	Pengerusi	Kebajikan sosial dan ekonomi pengusaha sawit


Temu bual separa berstruktur telah dijalankan dalam dua bahasa, iaitu sama ada Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Setiap sesi temubual dimulakan dengan penerangan ringkas tentang penyelidikan dan objektif temubual. Temubual berlangsung selama lebih kurang sejam bagi setiap sesi dan ianya dilaksanakan berdasarkan protokol temubual yang telah ditetapkan. Antara soalan yang ditanya semasa temubual adalah berkenaan latarbelakang organisasi, isu alam sekitar industri sawit, rantaian bekalan minyak sawit, sistem pelaporan maklumat industri sawit, sistem pendokumenan pekebun kecil, kerjasama antara organisasi dan lain-lain. Peserta yang ditemubual telah diberi jaminan kerahsiaan data dan diberi hak untuk menarik diri daripada sesi temubual pada bila-bila masa. Temubual telah ditranskripsi dan kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data.

Bagi kaedah analisis dokumen pula, kajian ini memfokuskan dokumen yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Dokumen yang dianalisis diperolehi sama ada menerusi internet ataupun dokumen dikongsikan oleh pegawai-pegawai yang ditemubual. Dokumen daripada agensi kerajaan kebanyakan terdiri daripada peraturan, undang-

undang dan garis panduan yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Dokumen daripada internet pula kebanyakannya berkait dengan dokumen daripada NGO antarabangsa yang terdiri daripada CDP, Global Canopy, RSPO, The World Wildlife Fund (WWF) dan ZSL.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan temubual dan analisis dokumen yang dilaksanakan, kajian ini mendapati industri sawit mempunyai sistem pelaporan maklumat alam sekitar yang agak unik yang menggabungkan usaha daripada tiga agen pelapor iaitu: organisasi (syarikat), kerajaan dan badan antarabangsa, sepertimana yang ditunjukkan dalam RAJAH 1.



RAJAH 1. Sistem pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit di Malaysia
Sumber: Pengarang

RAJAH 1 menunjukkan terdapat dua jenis hubungan dalam sistem pelaporan maklumat alam sekitar industri sawit, iaitu hubungan sehala dan hubungan dua hala yang ditunjukkan menerusi anak panah. Anak panah pula terdiri daripada anak panah bergaris sempurna, dan bergaris putus-putus. Anak panah bergaris sempurna bermaksud wujud hubungan lengkap antara dua agen secara keseluruhan. Manakala garis putus-putus pula menunjukkan wujud hubungan kurang lengkap kerana melibatkan badan tertentu sahaja. Contohnya, pekebun kecil berhubung secara dua hala dengan RSPO, tetapi tidak dengan badan antarabangsa lain. Pihak kerajaan didapati berhubung dengan WWF berkenaan skim pensijilan MSPO, tetapi tidak dengan badan antarabangsa lain. Semua agen pelapor mempunyai hubungan dua hala dengan pihak berkepentingan pelbagai peringkat, kecuali syarikat. Kajian ini mendapati syarikat hanya melaporkan maklumat kepada pihak berkepentingan berdasarkan keperluan maklumat yang dicadangkan oleh MCCG.

Hubungan kompleks antara agen membentuk sistem pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit. Sistem ini boleh dijelaskan menerusi Teori CAS. Teori ini bermula daripada bidang sains hayat yang mengkaji sifat semulajadi sistem tubuh badan manusia. Intipati teori ini menjelaskan bahawa suatu sistem terdiri daripada beberapa agen heterogen yang berhubung antara satu sama lain untuk membentuk struktur dan keseluruhan sistem (Preiser et al. 2018; Sherif 2006). Dalam bidang pengurusan dan perniagaan, aplikasi teori CAS menjelaskan syarikat boleh dianggap sebagai satu sistem kompleks yang terdiri daripada agen yang saling berkait termasuk individu, kumpulan, proses, teknologi dan pengetahuan khusus (Sherif 2006). Kajian ini mendapati hasil interaksi atau hubungan antara agen mewujudkan inisiatif pelaporan maklumat oleh setiap agen pelapor. Kajian lepas (seperti Abdullah et al. 2020; Fanning & Spencer 2022; Guindon 2019; Spencer 2020) lazimnya membincangkan pelaporan maklumat di peringkat organisasi atau syarikat sahaja, dan mengabaikan agen pelapor di peringkat kerajaan dan antarabangsa. Akibatnya, pemahaman terhadap sistem pelaporan maklumat industri sawit tidak dapat difahami secara menyeluruh dan mewujudkan jurang kajian.

Justeru, kajian ini mengembangkan kajian lepas dengan meluaskan skop sistem pelaporan maklumat alam sekitar yang melibatkan semua agen pelapor di peringkat nasional dan antarabangsa. Pihak kerajaan adalah pihak utama yang dilihat aktif campur tangan dalam industri sawit menerusi inisiatif skim pensijilan. Badan antarabangsa pula didapati memberi tindak balas dalam ketegangan yang berlaku dalam industri sawit menerusi pelaksanaan skor penilaian pelaporan maklumat. Inisiatif yang dilaksanakan oleh agen-agen ini membentuk sistem pelaporan maklumat yang unik dalam industri sawit dan dibincangkan secara terperinci dalam sub-topik seterusnya.

INISIATIF PELAPORAN MAKLUMAT OLEH AGENSI KERAJAAN

MPOCC dan MPOB adalah badan pentadbir skim pensijilan MSPO. Skim pensijilan MSPO mula dilancarkan pada tahun 2013 berdasarkan piawaian MSPO MS 2530:2013. Piawaian ini dibangunkan melalui konsensus oleh jawatankuasa khas yang terdiri daripada wakil pihak berkepentingan termasuk kerajaan, NGO, masyarakat, persatuan dalam industri sawit (termasuk persatuan pekebun kecil), institusi akademik dan penyelidikan. Pada tahun 2022, piawaian MS 2530:2013 telah disemak semula dan piawaian baharu iaitu MS 2530:2022 telah diterbitkan menggantikan piawaian lama. Piawaian ini dibahagikan kepada empat bahagian yang mana setiap bahagian mengandungi kriteria dan penanda aras berbeza yang mesti dipenuhi oleh setiap pemegang sijil mengikut kategori, iaitu pekebun kecil, estet dan kilang sawit. Untuk mendapat sijil MSPO, pemegang sijil mesti diaudit oleh badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia.

Tekanan yang diterima daripada pihak berkepentingan berhubung isu ketelusan (*transparency*) dan kebolehkasan (*traceability*) dalam industri sawit telah mendorong MPOCC melancarkan MSPO Trace pada tahun 2019. MSPO Trace boleh diakses oleh orang awam melalui laman sesawang dan melalui aplikasi yang tersedia di App Store dan Google Play. MSPO Trace ialah inisiatif di peringkat kerajaan untuk menyelesaikan masalah asimetri maklumat dalam industri sawit. Ia mempunyai empat modul iaitu modul pensijilan, modul kebolehkasan, modul logo dan modul aduan dan rungutan.

Modul Pensijilan Di bawah modul ini, MSPO Trace mendedahkan pelbagai maklumat termasuk profil pemegang sijil, lokasi penanaman yang menerima pensijilan MSPO dan laporan audit. Bahagian awal laporan audit mengandungi maklumat juruaudit seperti tahap pendidikan, pengalaman kerja, latihan yang dihadiri dan penguasaan bahasa. Maklumat seperti ini sangat berguna dalam penilaian kualiti juruaudit. Bahagian berikutnya dalam laporan audit mengandungi pendapat juruaudit tentang komitmen dan amalan pemegang sijil dalam pengeluaran minyak sawit mampan. Ianya dibentangkan berdasarkan prinsip, kriteria dan penanda aras piawaian MSPO. Juruaudit mengeluarkan pendapat berdasarkan hasil pelaksanaan pelan audit seperti semakan terhadap dokumen tertentu yang direkodkan oleh pemegang sijil, pemeriksaan secara fizikal di kebun sawit, dan temubual dengan pihak tertentu untuk mendapatkan maklum balas mengenai pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang berkaitan alam sekitar, tanggungjawab sosial serta kesihatan dan keselamatan pekerja. Sekiranya terdapat amalan yang tidak mematuhi piawaian MSPO, pemegang sijil dikehendaki membuat langkah pembetulan. Maklumat yang dilaporkan dalam laporan audit di MSPO Trace boleh dipercayai dan sah kerana ia merupakan hasil daripada pelaksanaan pelan audit oleh juruaudit yang mempunyai tahap kualiti tertentu.

Namun, kajian ini mendapati MSPO Trace mempunyai limitasi dari segi persembahan maklumat dan kandungan maklumat yang dilaporkan. Terdapat lebih kurang 25 badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia untuk mengaudit pemegang sijil MSPO. Berdasarkan analisis dokumen, didapati bahawa setiap badan pensijilan mempunyai gaya dan format pelaporan yang berbeza di mana sebahagian daripadanya melaporkan secara ringkas dan pendek, manakala sebahagian lagi melaporkan maklumat naratif yang sangat komprehensif. Terdapat badan pensijilan yang menyediakan laporan audit dalam bentuk graf dan jadual, ada pula yang berbentuk ayat dalam perenggan. Gaya dan format persembahan dijangka boleh memberi kesan berbeza terhadap penilaian prestasi kemampanan aktiviti pengeluaran sawit oleh pemegang sijil (Jones 2011; Merkl-davies & Brennan 2007).

Dari aspek kandungan maklumat yang dilaporkan dalam MSPO Trace, kajian ini mendapati terdapat maklumat penting yang diperlukan oleh pihak berkepentingan tidak dilaporkan dalam MSPO Trace, terutamanya melibatkan pekebun kecil, iaitu maklumat Stok Karbon Tinggi (*High Carbon Stock* - HCS). Dalam sesi temubual, S4 menyatakan “.... isu HCS masih kurang diberi perhatian di Malaysia berbanding isu HCV...” Analisis dokumen yang dilaksanakan mengesahkan sehingga kini isu HCS masih belum dibincangkan dalam piawaian MSPO dan ianya tidak dilaporkan dalam MSPO Trace. Mengenai maklumat HCV pula, didapati ianya dilaporkan dengan baik dalam laporan audit perladangan bersaiz besar. Tetapi, tiada pelaporan yang jelas mengenai maklumat ini dalam laporan audit pekebun kecil. Berkenaan hal ini, S1 menyatakan bahawa “bagi pekebun kecil, mereka hanya diberi latihan untuk mengenalpasti sama ada kawasan tanaman mereka mengandungi haiwan spesies terancam atau tidak. Bila sudah kenalpasti, kalaulah betul ada haiwan tersebut, mereka perlu dapatkan bantuan daripada pihak berkuasa, ertinya di Semenanjung Malaysia, pihak Perhilitan. Tiada dokumentasi lazimnya dibuat

oleh pekebun kecil berkenaan HCV. Kita faham mereka tiada keupayaan untuk buat semua wildlife management plan dan sebagainya”.

Buat masa ini, pekebun kecil hanya perlu merekodkan maklumat kewangan dalam Buku Rekod Ladang (BRL) seperti transaksi penjualan buah tandan segar (BTS), hasil, belanja dan penyata untung rugi. Perakodan maklumat kewangan dalam BRL berguna untuk pengurusan dalaman pekebun kecil, tetapi kurang membantu pihak berkepentingan memahami hubungan rantaian bekalan minyak sawit daripada pekebun kecil ke pasaran. Berkenaan pendokumenan oleh pekebun kecil, S1 menyatakan bahawa *“pekebun kecil tidak mempunyai cukup sumber dan pengetahuan untuk dokumentasi. Tambahan pula, kebanyakan mereka sudah berumur dan memerlukan ‘dealers’ untuk menuai dan menghantar BTS ke kilang. Apabila BTS dijual kepada ‘dealers’, mereka tidak buat sebarang rekod. Hanya simpan tiket timbang. ‘Dealers’ sebelum ini tidak wujud dalam rantaian bekalan pensijilan. Sebab itu sekarang kita usahakan untuk ‘dealers’ sawit dipersijilkan juga, supaya rantaian bekalan sawit tidak lagi tercicir maklumat atau dokumen...dan sekarang kita ada 4.3 for dealers”* Menerusi temubual ini, kajian ini mendapati masalah ketelusan maklumat alam sekitar dalam industri ini berpunca daripada masalah dokumentasi di peringkat orang tengah yang akhirnya menyebabkan syarikat sawit tidak dapat mengesan asal usul bahan mentah yang diproses di kilang mereka. Selain itu, pekebun kecil juga didapati mempunyai kelemahan dalam pendokumenan maklumat yang menghalang pihak berkepentingan mendapatkan maklumat berkenaan mereka.

Modul Kebolehkesanan, Modul Logo dan Modul Aduan serta Rungutan Di bawah modul kebolehkesanan, pihak berkepentingan MSPO Trace boleh mendapat maklumat mengenai lokasi penanaman sawit pemegang sijil termasuk paparan satelit lokasi penanaman. Pihak berkepentingan juga boleh mendapat maklumat mengenai senarai pembekal dan pembeli BTS supaya pihak berkepentingan dapat mengesan produk minyak sawit dari sumbernya. Tetapi, berdasarkan semakan dalam MSPO Trace, terdapat senarai rantaian bekalan yang tidak lengkap terutamanya dalam pangkalan data pekebun kecil dan pemilik estet kecil. Di bawah modul Logo, pihak berkepentingan boleh mendapat maklumat mengenai status sijil sama ada masih aktif atau sudah tamat. Namun, sehingga bulan Julai 2023, MSPO Trace hanya berjaya melaporkan maklumat 3 pekebun kecil terancang dan 1 pekebun kecil bebas. Seperti yang dibincangkan di atas, masalah ini disebabkan masalah dokumentasi oleh pekebun kecil. Modul terakhir adalah berkenaan aduan dan rungutan dimana ianya lebih relevan kepada pemegang sijil sahaja. Sebarang aduan dan rungutan oleh pemegang sijil boleh dibuat menerusi MSPO Trace.

INISIATIF PELAPORAN MAKLUMAT OLEH BADAN ANTARABANGSA MENERUSI SKIM PENSIJILAN ROUNDTABLE ON SUSTAINABLE PALM OIL (RSPO)

RSPO adalah skim pensijilan di bawah inisiatif sebuah organisasi bukan untung antarabangsa. Ia ditubuhkan pada tahun 2004 dan piawaiannya dibangunkan berdasarkan maklumat balas daripada pihak berkepentingan yang terdiri daripada pengeluar sawit, pemproses atau peniaga minyak sawit, pengeluar barangan pengguna, peruncit, bank dan pelabur, NGO pemuliharaan alam sekitar dan NGO sosial. Pada peringkat asas, prinsip dibawah RSPO adalah hampir sama seperti prinsip yang digunakan dalam piawaian MSPO. Cuma dari segi kriteria dan penanda aras didapati RSPO lebih terperinci, terutamanya melibatkan pensijilan pekebun kecil.

Dari segi kebolehkesanan dan ketelusan juga didapati RSPO lebih baik berbanding MSPO kerana RSPO menyediakan dua saluran pelaporan maklumat pensijilan yang boleh diakses oleh orang awam. Saluran pertama adalah melalui laporan audit yang boleh dimuat turun dari laman sesawang RSPO. Berdasarkan analisis dokumen, didapati masalah persembahan maklumat laporan audit RSPO sama seperti masalah persembahan maklumat laporan audit di MSPO Trace. Laporan audit disediakan mengikut gaya dan format berbeza-beza yang akhirnya boleh membawa kepada masalah kebolehbandingan maklumat laporan audit, sama ada kebolehbandingan antara pemegang sijil, antara negara ataupun antara tahun.

Saluran kedua adalah melalui halaman The Annual Communication of Progress (ACOP) di laman sesawang RSPO. ACOP ialah mekanisme pelaporan sendiri yang dibuat oleh setiap pemegang sijil RSPO. Pihak berkepentingan boleh memuat turun semua data mentah secara bebas daripada halaman ini seperti maklumat lokasi operasi, jumlah pengeluaran BTS, jumlah BTS yang mendapat pengiktirafan sijil RSPO, nama dan lokasi pembeli BTS, HCV dan HCS, jejak karbon dan maklumat tentang jenis pencemaran yang dijangka boleh berlaku akibat aktiviti penanaman sawit pemegang sijil RSPO. Walau bagaimanapun, pihak berkepentingan perlu berhati-hati dalam menggunakan maklumat yang terkandung dalam laporan ACOP kerana maklumat tersebut tidak disahkan oleh pihak ketiga mahupun RSPO sendiri. Selain itu, RSPO mempunyai limitasi dari segi penglibatan pekebun kecil dalam skim pensijilan ini disebabkan kos yang mahal yang perlu ditanggung oleh pemegang sijil. Berbeza dengan MSPO, kos pensijilan bagi pekebun kecil ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Maka, MSPO lebih baik dari segi penglibatan pekebun kecil.

INISIATIF PELAPORAN MAKLUMAT OLEH BADAN ANTARABANGSA

Selain RSPO, kajian ini mendapati terdapat inisiatif lain yang dilaksanakan oleh badan antarabangsa bagi mengatasi masalah asimetri maklumat dalam industri sawit. Mereka mengumpulkan sendiri data maklumat alam sekitar dan kemudiannya menganalisis data tersebut mengikut kaedah tertentu dan dilaporkan kepada pihak berkepentingan. Secara umumnya, limitasi utama inisiatif ini adalah dari segi sumber data. Semua data dikumpulkan daripada syarikat sawit atau perladangan berskala besar sahaja. Ini bermaksud, mereka tidak mendapat data secara langsung daripada sumber asalnya terutamanya maklumat pekebun kecil. Hubungan ini boleh dilihat menerusi RAJAH 1 dimana hubungan langsung antara pekebun kecil dan badan antarabangsa hanya wujud di RSPO. Syarikat menjadi perantara bagi badan antarabangsa lain mengumpul maklumat pekebun kecil kerana masalah komunikasi dan kedudukan geografi.

Menerusi temubual yang dilaksanakan, S1 menyatakan “*kebanyakan daripada pekebun kecil tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk menghantar BTS ke kilang syarikat. Lazimnya pekebun kecil menjual BTS kepada ‘dealer’ yang datang ke ladang mereka. ‘Dealer’ ini kemudiannya menjual BTS tersebut kepada syarikat*”. Dengan wujudnya satu lapisan orang tengah dalam rantai bekalan minyak sawit, ini menyebabkan syarikat sukar menjejaki sumber BTS dan seterusnya menghad maklumat yang boleh dilaporkan kepada badan antarabangsa berkenaan sumber asal minyak sawit.

Kajian ini mendapati terdapat empat badan antarabangsa yang melaksanakan inisiatif menerusi skor penilaian pelaporan maklumat. Inisiatif pertama dicipta oleh CDP atau dahulunya dikenali sebagai Carbon Disclosure Project. Ianya merupakan sebuah organisasi bukan untung yang ditubuhkan pada tahun 2000 yang berpangkalan di London, United Kingdom dan mempunyai pejabat serantau di banyak negara di seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, Eropah, India, China dan Singapura. CDP bekerjasama dengan pelbagai kumpulan pihak kepentingan untuk menangani krisis perubahan iklim menerusi inisiatif skor penilaian pelaporan maklumat alam sekitar. CDP menggunakan data primer yang dikumpul melalui soal selidik daripada syarikat. Skor maklumat yang dilaporkan menerusi CDP terdiri daripada tiga elemen utama iaitu tindakan iklim (*climate action*), hutan dan air.

Pihak berkepentingan hanya boleh mendapatkan maklumat umum secara percuma menerusi laman sesawang CDP, iaitu markah skor, yang terdiri daripada skor F hingga skor A. Skor F diberikan kepada syarikat yang gagal memberi maklum balas terhadap soal selidik yang dihantarkan kepada mereka. Skor D-/D diberikan kepada syarikat yang mendapat markah minimum untuk setiap soalan dalam soal selidik. Skor C-/C diberikan kepada syarikat yang menunjukkan kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar dalam perniagaan. Skor B-/B diberikan kepada syarikat yang berjaya memberi bukti bahawa ia telah mengurus risiko alam sekitar yang wujud dalam perniagaannya dan skor tertinggi iaitu skor A diberikan kepada syarikat yang paling terkehadapan dari segi mengurus perubahan iklim, penebangan hutan dan keselamatan air. Limitasi CDP adalah, pihak berkepentingan perlu membuat bayaran untuk mendapat data lengkap skor bagi setiap penanda aras yang digunakan oleh CDP. Kedua, penilaian skor dibuat berdasarkan penyaluran maklumat daripada syarikat sahaja (melalui soal selidik) tanpa mendapat pengesahan daripada pihak ketiga (CDP, 2021). Ini akan mengurangkan kualiti kebolehpercayaan maklumat tersebut. Kajian lepas menunjukkan terdapat syarikat yang cenderung melaporkan maklumat alam sekitar secara berlebihan termasuk maklumat yang sebenarnya tidak dilaksanakan oleh syarikat yang dikenali sebagai ‘*greenwashing*’.

Setahun selepas penubuhan CDP, sebuah lagi badan yang berpangkalan di Oxford United Kingdom, iaitu Global Canopy telah membangunkan satu inisiatif baharu iaitu Forest500. Tidak seperti CDP, Forest500 hanya menumpukan kepada pendedahan maklumat berkaitan penebangan hutan dalam industri pertanian termasuk industri sawit. Ia menilai 500 syarikat pertanian terbesar (termasuk syarikat minyak sawit huluan dan hiliran) dan institusi kewangan yang membiayai industri pertanian. Inisiatif ini menggunakan data sekunder yang dikumpul menerusi pelbagai sumber seperti daripada laman sesawang syarikat, laman sesawang RSPO dan juga data daripada CDP Forests. Tidak seperti CDP, Forest500 lebih terbuka melaporkan skor penilaian pelaporan maklumat alam sekitar secara terperinci di laman sesawang mereka. Limitasi Forest500 adalah, pertamanya, inisiatif ini hanya fokus kepada petunjuk prestasi utama (KPI) berkaitan penebangan hutan sahaja, dan mengabaikan KPI alam sekitar lain, seperti risiko berkaitan air dan udara. Kedua, Forest500 menilai syarikat berdasarkan data yang dikumpul daripada sumber internet sahaja. Tiada komunikasi secara langsung antara Global Canopy dengan syarikat sawit mahupun pekebun kecil.


Pada tahun 2009, WWF melancarkan inisiatif berbeza, iaitu *WWF Palm Oil Buyers Scorecard* untuk menilai sejauh mana komitmen syarikat pembeli minyak sawit (atau syarikat hiliran minyak sawit) ke arah pencapaian matlamat pembangunan kelestarian. Keunikan inisiatif ini adalah, ia melaporkan skor penilaian bagi syarikat yang menjual produk yang mengandungi minyak sawit beserta jenama produk tersebut yang dijual di pasaran. Maklumat ini sangat relevan kepada pengguna akhir atau orang awam di mana mereka boleh menggunakan maklumat yang dilaporkan oleh WWF ini untuk membuat keputusan pembelian. WWF mengumpul maklumat

menerusi soal selidik daripada syarikat. Ia juga menggunakan maklumat yang dilaporkan di halaman ACOP di laman sesawang RSPO. Hasil analisis dilaporkan secara terperinci di laman sesawang WWF. Limitasi inisiatif ini sama seperti CDP, iaitu kebolehpercayaan data yang digunakan kerana ianya bersumber daripada syarikat tanpa pengesahan daripada pihak ketiga. Selain itu, WWF bergantung kepada syarikat dalam mendapatkan maklumat mengenai pekebun kecil yang merupakan pengkalan rantaian bekalan minyak sawit.

Pada tahun 2014, ZSL telah mencipta inisiatif lain yang dinamakan sebagai SPOTT. Ia dicipta untuk menilai skor pelaporan maklumat dalam tiga jenis komoditi iaitu (i) minyak sawit, (ii) kayu dan pulpa dan (iii) getah asli. SPOTT membangunkan rangka kerja atau penanda aras penskoran yang berbeza untuk setiap komoditi dan setiap tahun menyemak penanda aras tersebut melalui maklum balas yang diperolehi daripada pihak berkepentingan pelbagai peringkat untuk mengambilkira semua perkembangan terkini melibatkan isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Sistem pengumpulan data dan penskoran oleh ZSL berbeza daripada CDP dan WWF dimana proses penskoran melibatkan dua peringkat. Pada peringkat pertama, SPOTT akan membuat penskoran berdasarkan maklumat yang boleh diakses oleh orang awam seperti laporan tahunan dan laman sesawang syarikat. Pada peringkat kedua, SPOTT akan menghantar kepada syarikat draf skor penilaian yang dibuat pada peringkat pertama. Syarikat diberi peluang untuk melaporkan maklumat tambahan dan skor penilaian akan disemak semula bagi mengambilkira maklumat baharu yang diperolehi daripada syarikat secara langsung. Skor penilaian akhir dilaporkan secara terperinci dan secara percuma di laman sesawang SPOTT.

Selain itu, SPOTT menggunakan kaedah penskoran sedikit berbeza berbanding inisiatif lain di mana setiap data maklumat dianalisis dan diberi skor mengikut tahap kebolehpercayaan data tersebut. Iaitu, skor lebih tinggi diberikan untuk setiap data maklumat yang disahkan oleh pihak luaran syarikat dan sebaliknya skor lebih rendah diberikan untuk data maklumat yang tidak disahkan. Kaedah ini menghasilkan skor yang lebih dipercayai. SPOTT juga merupakan satu-satunya inisiatif yang mengiktiraf pensijilan MSPO dalam skor penilaiannya. Namun, limitasi inisiatif ini adalah berkenaan kebolehbandingan skor dari tahun ketahun kerana rangka kerja atau penanda aras SPOTT sentiasa berubah setiap tahun.

RUMUSAN PERBINCANGAN



RAJAH 2. Inisiatif pelaporan maklumat alam sekitar oleh agen pelapor dalam industri sawit di Malaysia
Sumber: Pengarang

RAJAH 2 merumuskan inisiatif pelaporan maklumat alam sekitar oleh agen pelapor dalam industri sawit, iaitu, syarikat, kerajaan dan badan antarabangsa. Kajian lepas mendapati wujud kelemahan dalam pelaporan maklumat oleh syarikat sawit yang dilaporkan menerusi laporan kelestarian atau laporan tahunan bersepadu. Menerusi pendekatan sistem, kajian ini berjaya menemukan punca kelemahan pelaporan maklumat oleh syarikat adalah kerana tiada hubungan secara langsung antara syarikat dan pekebun kecil yang merupakan pengkalan rantaian bekalan minyak sawit. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan secara langsung antara pekebun kecil dan pihak kerajaan. Pihak kerajaan menerusi MPOCC dan MPOB, merupakan satu-satunya agen pelapor yang berinteraksi atau berhubung secara langsung dengan seluruh pekebun kecil di Malaysia menerusi pensijilan MSPO¹. Dalam hal ini S1 menyatakan "dengan persetujuan daripada kementerian, tanggungjawab mengurus pekebun kecil telah diberikan kepada MPOB. MPOB juga memberi latihan dan berhubung secara aktif dengan

pekebun kecil. MPOB bertindak seperti pengurus kepada pekebun kecil dan ada unit mereka mempunyai semua data berkenaan pekebun kecil seperti lesen dan lokasi”.

Hasil kajian ini menunjukkan inisiatif pelaporan yang diusahakan oleh pihak kerajaan menerusi MSPO Trace dapat menambahbaik pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit kerana ia terangkum maklumat rantaian bekalan dan pekebun kecil. MSPO Trace boleh menjadi medium pelaporan maklumat yang boleh dipercayai dan sah kerana maklumat yang dilaporkan telah diaudit oleh juruaudit yang mempunyai kualiti tertentu. Maklumat ini juga boleh menjadi ‘*check and balance*’ kepada maklumat yang dilaporkan oleh syarikat yang lazimnya cenderung ke arah ‘*greenwashing*’. Bagi meningkatkan kualiti kebolehbandingan maklumat yang dilaporkan di MSPO Trace, kajian ini mencadangkan agar kerajaan Malaysia membuat penambahbaikan dari segi persembahan maklumat laporan audit agar gaya dan format lebih konsisten. Bagi meningkatkan kualiti kebergunaan maklumat yang dilaporkan di MSPO Trace, kajian ini mencadangkan agar kerajaan Malaysia menambahbaik kriteria dan penanda aras yang digunakan dalam pensijilan MSPO agar maklumat HCV dan HCS dapat dinilai dan dilaporkan dengan lebih telus dan seterusnya mengurangkan masalah asimetri maklumat dalam industri ini. Maklumat rantaian bekalan yang melibatkan pekebun kecil juga perlu dikemaskini dan ditambahbaik di bahagian Modul Kebolehesanan dan Modul Logo agar dapat lebih meyakinkan masyarakat global mengenai kemampuan produk sawit keluaran Malaysia.

KESIMPULAN

Masalah asimetri maklumat telah menyebabkan industri sawit sering berdepan dengan tekanan dan pertikaian daripada masyarakat global. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah yang wujud dalam pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit dan mengkaji solusi bagi membantu menyelesaikan masalah ini. Kajian lepas lazimnya membincangkan pelaporan maklumat di peringkat organisasi atau syarikat sahaja, dan mengabaikan agen pelapor di peringkat kerajaan dan antarabangsa. Akibatnya, pemahaman terhadap sistem pelaporan maklumat industri sawit tidak dapat difahami secara menyeluruh.

Menerusi temubual dan analisis dokumen yang dilaksanakan, kajian ini mendapati tekanan dalam industri sawit telah mewujudkan interaksi atau hubungan antara agen-agen pelapor, iaitu syarikat sawit, kerajaan Malaysia dan badan antarabangsa. Hasil interaksi antara agen mewujudkan inisiatif pelaporan maklumat oleh setiap agen pelapor iaitu MSPO Trace oleh agensi kerajaan Malaysia dan lima inisiatif lain oleh badan antarabangsa. Sistem pelaporan ini dijelaskan menerusi Teori Complex Adaptive System (CAS). Kajian ini adalah yang pertama yang mengemukakan sistem atau model pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit dan berjaya mengenalpasti masalah dan solusi yang wujud dalam sistem pelaporan ini.

Secara spesifiknya, kajian ini mendapati masalah pelaporan maklumat alam sekitar dalam industri sawit berpunca daripada masalah dokumentasi di peringkat orang tengah yang menghubungkan sektor hulu yang melibatkan pekebun kecil dan sektor pertengahan yang melibatkan pengilang minyak sawit. Kajian lanjutan mendapati masalah dokumentasi juga wujud di peringkat pekebun kecil. Dapatan kajian ini sangat relevan kepada pengurusan syarikat atau lebih spesifik kepada pengeksporn sawit dalam mengenalpasti tindakan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan ketelusan dan kebolehesanan produk sawit mereka. Seterusnya membantu mereka merangka langkah pembaikan untuk tujuan pematuhan peraturan baharu EUDR yang akan mula efektif pada tahun 2024. Penemuan kajian ini juga memberi input penting kepada pihak kerajaan mengenai dua aspek yang perlu ditambahbaik dalam MSPO Trace, iaitu kebolehbandingan maklumat dan kebergunaan maklumat.

Meskipun kajian ini memberi implikasi penting kepada pengurusan, ianya mengandungi limitasi dalam beberapa aspek. Pertama, dari aspek kaedah penyelidikan. Kajian ini telah menemubual seramai 15 orang responden yang mewakili agensi kerajaan, persatuan industri dan organisasi bukan kerajaan (NGO) alam sekitar. Kajian ini tidak menemubual wakil syarikat sawit, dan ini menyebabkan terdapat limitasi dalam kupasan isu tertentu. Kajian akan datang dicadangkan untuk menemubual wakil syarikat sawit agar dapat mengumpul data yang lebih komprehensif dan inklusif. Kedua, kajian ini hanya mengambilkira isu pelaporan dalam konteks industri sawit di Malaysia sahaja, maka hasil kajian sukar digeneralisasikan dalam konteks negara lain yang mungkin mempunyai sistem pelaporan maklumat alam sekitar yang berbeza.

NOTA AKHIR

¹ RSPO kurang mendapat sambutan dikalangan pekebun kecil kerana kos yang mahal

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Geran Endowment Malaysian Palm Oil Board (MPOB) - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) [MPOB-UKM-2021-011].

RUJUKAN

- Abdullah, M. 2022. Mengurus persepsi terhadap industri sawit menerusi ketelusan maklumat. In *Pengurusan Mapan Minyak Sawit Malaysia*, edited by Z. Mohd Makhbul, L.-H. Osman, M.-H. Ali. & M.R. Che-Abdul_Rahman. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah, M., Hamzah, N., Mohd-Ali, H., Tseng, M. & Brander, M. 2020. The Southeast Asian haze: The quality of environmental disclosures and firm performance. *Journal of Cleaner Production* 246: 1–11.
- Abdullah, M. & Rimmel, G. 2021. Promoting sustainable palm oil through corporate transparency initiatives. In *Management of Sustainable Palm Oil: Policies and Environmental Considerations*, edited by Z. Mohd Makhbul, N. Khalid & T. Sarmidi. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul-Samat, Z.A., Mohamed-Harith, N.H. & Mohammed, N. 2021. Menilai kelestarian pekebun kecil kelapa sawit: Satu kajian di Felda Wilayah Raja Alias, Jempol, Negeri Sembilan. *E-Proceeding 8th International Conference on Public Policy and Social Science (Icops) 2021, 1*(October), 510–515.
- Adams, C.A. & Abhayawansa, S. 2022. Connecting the COVID-19 pandemic, environmental, social and governance (ESG) investing and calls for ‘harmonisation’ of sustainability reporting. *Critical Perspectives on Accounting* 82: 1-13.
- Brühl, C.A. & Eltz, T. 2010. Fuelling the biodiversity crisis: Species loss of ground-dwelling forest ants in oil palm plantations in Sabah, Malaysia (Borneo). *Biodiversity and Conservation* 19(2): 519–529.
- CDP. 2021. *The full list of classifications for CDP’s Activity Classification System (CDP-ACS)*. Available at https://6fefcbb86e61af1b2fc4-c70d8ead6ced550b4d987d7c03fcdd1d.ssl.cf3.rackcdn.com/cms/guidance_docs/pdfs/000/001/540/original/CDP-ACS-full-list-of-classifications.pdf?1520244912
- Cramb, R. & Sujang, P.S. 2016. Oil palm smallholders and state policies in Sarawak. In *The Oil Palm Complex: Smallholders, Agribusiness and the State in Indonesia and Malaysia*, edited by R. Cramb & J.F. McCarthy, 247–282. Singapore: NUS Press.
- Dhandapani, S., Evers, S., Boyd, D., Evans, C.D., Page, S., Parish, F. & Sjogersten, S. 2023. Assessment of differences in peat physico-chemical properties, surface subsidence and GHG emissions between the major land-uses of Selangor peatlands. *Catena* 230: 1-14.
- Dhandapani, S. & Evers, S.L. 2020. Oil palm “slash-and-burn” practice increases post-fire greenhouse gas emissions and nutrient concentrations in burnt regions of an agricultural tropical peatland. *Science of The Total Environment* 742.
- Dhandapani, S., Girkin, N.T. & Evers, S. 2022. Spatial variability of surface peat properties and carbon emissions in a tropical peatland oil palm monoculture during a dry season. *Soil Use and Management* 38(1): 381–395.
- Dhandapani, S., Ritz, K., Evers, S., Cooper, H., Tonks, A. & Sjögersten, S. 2020. Land-use changes associated with oil palm plantations impact PLFA microbial phenotypic community structure throughout the depth of tropical peats. *Wetlands* 40(6): 2351–2366.
- Dislich, C., Keyel, A.C., Salecker, J., Kisel, Y., Meyer, K.M., Auliya, M., Barnes, A.D., Corre, M.D., Darras, K., Faust, H., Hess, B., Klasen, S., Knohl, A., Kreft, H., Meijide, A., Nurdiansyah, F., Otten, F., Pe’er, G., Steinebach, S., ... Wiegand, K. 2017. A review of the ecosystem functions in oil palm plantations, using forests as a reference system. *Biological Reviews* 92(3): 1539–1569.
- Dissanayake, D., Tilt, C.A., & Qian, W. 2021. How do public companies respond to national challenges through sustainability reporting? – The case of Sri Lanka. *Qualitative Research in Accounting and Management* 18(4–5): 455–483.
- Fanning, I. & Spencer, E. 2022. *ZSL research shows palm oil industry must increase transparency to combat deforestation*. Available at https://www.spott.org/news/zsl-research-shows-palm-oil-industry-must-increase-transparency-to-combat-deforestation/?dm_i=6UDP,C7QP,1IQEQU,1HGG2,1
- Greenpeace. 2007. Palm oil: Cooking the Climate. In *Greenpeace International*. Available at http://www.greenpeace.org/international/news/palm-oil_cooking-the-climate
- Greenpeace. 2018. *World Orangutan Day: Numbers in decline despite Indonesian government’s claims*. Available at <https://www.greenpeace.org/international/press-release/18064/world-orangutan-day-numbers-in-decline-despite-indonesian-governments-claims/>
- Greenpeace. 2019. *Burning down the house*. Available at <https://www.greenpeace.org/static/planet4-international-stateless/2019/11/5c8a9799-burning-down-the-house-greenpeace-indonesia-fires-briefing.pdf>
- Guindon, M. 2019. *ZSL report finds majority of companies don’t know origin of their palm oil*. Zoological Society of London. Available at <https://www.spott.org/news/zsl-report-finds-majority-of-companies-dont-know-origin-of-their-palm-oil/>
- Guest, G., Bunce, A. & Johnson, L. 2006. How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods* 18(1): 59-82.
- Guest, G., Namey, E., Chen, M. 2020. A simple method to assess and report thematic saturation in qualitative research. *PLoS ONE* 15(5): 1-17.

- Ismail, A., Simeh, M.-A. & Noor, M.-M. 2003. The production cost of oil palm fresh fruit bunches: the case of independent smallholders in Johor. *Oil Palm Industry Economic Journal* 3(1): 1–8.
- Jelsma, I., Schoneveld, G.C., Zoomers, A. & van Westen, A.C.M. 2017. Unpacking Indonesia's independent oil palm smallholders: An actor-disaggregated approach to identifying environmental and social performance challenges. *Land Use Policy* 69: 281–297.
- Jones, M.J. 2011. The nature, use and impression management of graphs in social and environmental accounting. *Accounting Forum* 35(2): 75–89.
- Koh, L.P., Miettinen, J., Liew, S.C., Ghazoul, J. & Ehrlich, P.R. 2011. Remotely sensed evidence of tropical peatland conversion to oil palm. *Proceedings of the National Academy of Sciences* 108(12): 5127–5132.
- Malaysian Palm Oil Board (MPOB). 2022. *Oil Palm Planted Area 2022*. Available at https://bepi.mpob.gov.my/images/area/2022/Area_summary2022.pdf
- Meijaard, E., Garcia-Ulloa, J., Sheil, D., Wich, S.A., Carlson, K.M., Juffe-Bignoli, D. & Brooks, T.M. 2018. *Oil Palm and Biodiversity: A Situation Analysis by The IUCN Oil Palm Task Force*. Gland, Switzerland : IUCN
- Merkel-davies, D.M. & Brennan, N.M. 2007. Discretionary disclosure strategies in corporate narratives: incremental information or impression management? *Journal of Accounting Literature* 26: 116–196.
- Preiser, R., Biggs, R., De Vos, A. & Folke, C. 2018. Social-ecological systems as complex adaptive systems: Organizing principles for advancing research methods and approaches. *Ecology and Society* 23(4): 46.
- Pribadi, D.O., Rustiadi, E., Syamsul Iman, L.O., Nurdin, M., Supijatno, Saad, A., Pravitasari, A.E., Mulya, S.P., & Ermyanyla, M. 2023. Mapping smallholder plantation as a key to sustainable oil palm: A deep learning approach to high-resolution satellite imagery. *Applied Geography* 153.
- Purnomo, H., Shantiko, B., Sitorus, S., Gunawan, H., Achdiawan, R., Kartodihardjo, H. & Dewayani, A.A. 2017. Fire economy and actor network of forest and land fires in Indonesia. *Forest Policy and Economics* 78: 21–31.
- Purnomo, Ramdani, R., Agustiyara, Tomaro, Q.P.V. & Samidjo, G.S. 2019. Land ownership transformation before and after forest fires in Indonesian palm oil plantation areas. *Journal of Land Use Science* 14(1): 37–51.
- Seaman, D.J.I., Bernard, H., Ancrenaz, M., Coomes, D., Swinfield, T., Milodowski, D.T., Humle, T. & Struebig, M.J. 2019. Densities of Bornean orang-utans (*Pongo pygmaeus morio*) in heavily degraded forest and oil palm plantations in Sabah, Borneo. *American Journal of Primatology* 81(8): 1-12.
- Sherif, K. 2006. An adaptive strategy for managing knowledge in organizations. *Journal of Knowledge Management* 10(4): 72–80.
- Smith, T.E.L., Evers, S., Yule, C.M. & Gan, J.Y. 2018. In situ tropical peatland fire emission factors and their variability, as determined by field measurements in Peninsula Malaysia. *Global Biogeochemical Cycles* 32(1): 18–31.
- Spencer, E. 2020. *ZSL report finds many palm-oil companies failing to meet 2020 zero-deforestation targets*. Zoological Society of London. Available at <https://www.spott.org/news/zsl-report-finds-many-palm-oil-companies-failing-to-meet-2020-zero-deforestation-targets/>
- Thomson, E. & Long, I. 2020. *Commodity series: The palm oil problem*. Forest 500. Available at <https://forest500.org/analysis/insights/commodity-series-palm-oil-problem>
- Varkkey, H. 2013. Malaysian investors in the Indonesian oil palm plantation sector: Home state facilitation and transboundary haze. *Asia Pacific Business Review* 19(3): 381–401.
- Varkkey, H., Tyson, A. & Choiruzzad, S.A.B. 2018. Palm oil intensification and expansion in Indonesia and Malaysia: Environmental and socio-political factors influencing policy. *Forest Policy and Economics* 92: 148–159.
- Vijay, V., Pimm, S.L., Jenkins, C.N. & Smith, S.J. 2016. The impacts of oil palm on recent deforestation and biodiversity loss. *PLoS ONE* 11(7): 1–19.
- Voigt, M., Wich, S.A., Ancrenaz, M., Meijaard, E., Abram, N., Banes, G.L., Campbell-Smith, G., d’Arcy, L.J., Delgado, R.A., Erman, A., Gaveau, D., Goossens, B., Heinicke, S., Houghton, M., Husson, S.J., Leiman, A., Sanchez, K.L., Makinuddin, N., Marshall, A.J., ... Kühl, H.S. 2018. Global demand for natural resources eliminated more than 100,000 Bornean orangutans. *Current Biology* 28(5): 761-769.
- Wachira, M.M., & Mathuva, D.M. 2022. Corporate environmental reporting in sub-saharan africa: A literature review and suggestions for further research. *Advances in Environmental Accounting and Management* 10: 159–182.
- Wahid, M.B. 2008. *Overview of the Malaysian oil palm industry 2007*. Available at <https://econ.mpob.gov.my/economy/overview07.htm#:~:text=The%20total%20oil%20palm%20planted,to%201.2%25%20in%20Peninsular%20Malaysia.>
- Wichianrak, J., Wong, K., Khan, T., Siriwardhane, P. & Dellaportas, S. 2022. Soft law, institutional signalling – Thai corporate environmental disclosures. *Social Responsibility Journal* 18(2): 205–220.

Maizatulkma Abdullah (penulis koresponden)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: maizatul@ukm.edu.my

Mohamat Sabri Hassan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: msabri@ukm.edu.my

Noorsakinah Abdul Wahab
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: sakinahwahab@ukm.edu.my

Ahmad Monir Abdullah
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: ahmadmonirabdullah@ukm.edu.my